



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 26 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM SASAR 13,000 KAUNSELOR BERLESEN TAHUN INI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-sasar-13-000-kaunselor-berlesen-tahun-ini	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.wilayahku.com.my/perluas-jaringan-kaunseling-di-peringkat-global/	WILAYAHKY.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190853/sasar-13000-kaunselor-pada-hujung-tahun-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714704/berita/nasional/kpwkm-sasar-13000-kaunselor-berdaftar-tahun-ini	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2396359	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2396344	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-targets-13000-registered-counsellors-by-year-end-nancy-HG13732674	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1180234/govt-targets-13000-registered-counsellors-year-end	NST.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/25/401-peserta-hadiri-persidangan-kaunseling-dunia-2025	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM KOMITED PERKASA WANITA, PERJUANG KESAKSAMAAN GENDER IKUT PERUNDANGAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-komited-perkasa-wanita-perjuang-kesaksamaan-gender-ikut-perundangan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/02/1365433/kpwkm-sedia-pelbagai-program-bantu-tingkat-kesejahteraan-wanita	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714731/berita/nasional/pemerkasaan-wanita-dibuat-ikut-lunas-perundangan---noraini	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2396434	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-terus-perjuang-pemeriksaan-wanita-mengikut-lunas-perundangan-noraini-510117	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/ministry-committed-to-women-s-empowerment-within-legal-framework-noraini-NG13732816	THESUN.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=W2poZu_KByk	YOUTUBE	
	https://majoriti.com.my/relaks/2025/02/25/perjuangan-diteruskan-demi-wanita-dapat-peluang-saksama-bebas-diskriminasi-kpwkm-komited-hak-dan-kebajikan-kaum-hawa-terbela	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2396367	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KE MANA ARAH KEPIMPINAN GENERASI MUDA WANITA?		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/ke-mana-arrah-kepimpinan-generasi-muda-wanita	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	DUN SELANGOR : GARIS PANDUAN SERAGAM DAFTAR TASKA JULAI INI		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/25/dun-selangor-garis-panduan-seragam-daftar-taska-dikeluarkan-julai-ini/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1180346/selangor-introduce-guidelines-childcare-centre-registration-july	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-keluar-garis-panduan-permudah-seragam-pendaftaran-taska-julai-ini-510085	ASTROAWANI.COM	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2396269	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.thevibes.com/articles/news/105276/selangor-to-introduce-guidelines-to-streamline-childcare-centre-registration	THEVIBES.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/25/sgor-to-introduce-guidelines-to-streamline-childcare-centre-registration-in-july	THESTAR.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/garis-panduan-penyeragaman-taska-bermula-julai/	UTUSAN.COM.MY	
	https://selangorkini.my/2025/02/selangor-perkenal-garis-panduan-daftar-taska-geran-bantu-pengusaha-tampung-kos/	SELANGORKINI.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/s-gor-to-introduce-guidelines-to-streamline-childcare-centre-registration-in-july-PG13732195	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2396345	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	DUN SELANGOR: GOMBAK PALING TINGGI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/25/dun-selangor-gombak-paling-tinggi-kes-keganasan-rumah-tangga/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	RM2 JUTA BAIK PULIH RUMAH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK JOHOR – MB		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/02/25/rm2-juta-baik-pulih-rumah-perlindungan-kanak-kanak-johor-mb/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TIGA PPS DIBUKA DI TANAH MERAH AKIBAT BANJIR		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-pps-dibuka-di-tanah-merah-akibat-banjir-510144	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190832/banjir-36-penduduk-dipindahkan-ke-pps-di-tanah-merah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2396557	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SUSPEK KES CABUL DI BATANG KALI DIDAKWA KHAMIS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1191021/suspek-kes-cabul-di-batang-kali-didakwa-khamis	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-cabul-kanakkanak-di-masjid-didakwa-khamis-ini-510146	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714768/berita/semasa/lelaki-oku-didakwa-cabul-budak-perempuan-dituduh-khamis-ini	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396558	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/crime_courts/news.php?id=2396562	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/25/lelaki-cabul-kanakkanak-di-masjid-didakwa-khamis-ini/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/25/lelaki-cabul-kanakkanak-di-masjid-batang-kali-dituduh-khamis-ini/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1365779/suspek-kes-cabul-budak-dituduh-khamis-ini	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/25/suspect-in-child-sexual-assault-case-to-be-charged-on-thursday	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/02/1180456/man-who-allegedly-molested-child-batang-kali-be-charged	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/25/remaja-tular-disyaki-cabul-budak-di-masjid-didakwa-pada-khamis/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/suspek-kes-cabul-kanakkanak-di-batang-kali-akan-dituduh-khamis-ini/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/lelaki-cabul-kanakkanak-di-masjid-dituduh-khamis/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	PINTU PAGAR TERBUKA, KANAK-KANAK LELAKI HILANG		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/nasional/pintu-pagar-terbuka-kanak-kanak-lelaki-hilang/	BULETINTV3.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396141	BERNAMA.COM	
	https://siraplimau.com/hud-aryan-budak-hilang/	SIRAPLIMAU.COM	
	https://lobakmerah.com/baru-saja-boleh-berjalan-aktif-kanak-kanak-lelaki-19-bulan-dikhuatiri-hilang-sejak-semalam/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/714600/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-dikhuatiri-hilang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/2025/02/25/budak-19-bulan-hilang-waktu-maghrib-ghaib-selepas-ibu-selesai-suap-makan---baliklah-hud	MSTAR.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/02/1190777/hud-tiba-tiba-hilang-pintu-pagar-rumah-didapati-terbuka	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2396141	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	MAHKAMAH BENAR SUAMI JAHIDAH TANGGUH PENJARA 10 TAHUN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/25/mahkamah-benar-suami-jahidah-tangguh-penjara-10-tahun/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI CEDERA DIBELASAH DIPERCAYAI PERKOSA ANAK SAUDARA		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1191000/lelaki-cedera-dibelasah-dipercayai-perkosa-anak-saudara	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	WARGA EMAS CEDERA DILIBAS PARANG OLEH ANAK OKU MENTAL		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-cedera-dilibas-parang-oleh-anak-oku-mental/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190835/bapa-cedera-ditetak-anak-oku-mental	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	MAN ARRESTED FOR ALLEGEDLY RAPING NIECE		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/02/1180466/man-arrested-allegedly-raping-niece	NST.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/25/lelaki-disyaki-rogol-anak-saudara-direman-empat-hari/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KPWKM SASAR 13,000 KAUNSELOR BERDAFTAR TAHUN INI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 FEB 2025

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM sasar 13,000 kaunselor berdaftar tahun ini

Serdang: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyasarkan seramai 13,000 kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor pada akhir tahun ini.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, hampir 12,000 kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor ketika ini.

“Setiap tahun, kira-kira 500 graduan daripada bidang kaunseling dalam ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor.

“Berdasarkan jumlah ini, kami yakin mampu mencapai sasaran seramai 13,000 kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas merasmikan Persidangan Kaunseling Sedunia 2025 di Fakulti Pengajian

Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Nancy berkata, khidmat kaunselor mendapat permintaan tinggi di negara ini selepas Covid-19 melanda dunia selain disebabkan tekanan menerusi media sosial.

“Secara purata, kami menerima lebih 500 panggilan menerusi Talian Kasih setiap hari. Ada pelbagai jenis isu dan masalah dihadapi oleh pemanggil termasuk isu kewangan serta tekanan selain kes penderaan.

“Ada antara pemanggil juga menghubungi Talian Kasih semata-mata untuk meluahkan rasa serta mengadu. Ada di antara pemanggil dalam kalangan kanak-kanak namun jumlahnya tidak ramai.

“Setiap panggilan yang diterima itu akan disalurkan kepada kaunselor mengikut lokasi iaitu daerah pemanggil,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **MINISTRY TARGETS 13,000 BOARD-REGISTERED COUNSELLORS BY END-2025**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **THE BORNEO POST**

TARIKH : **26 FEB 2025**

M/SURAT : **04**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**



Nancy (centre) and others pose with the 'Counsellors Code of Ethics' book during the launch of the WCC 2025. — Bernama photo

Ministry targets 13,000 board-registered counsellors by end-2025

SERDANG: The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWK) is targeting 13,000 counsellors to be registered with the Board of Counsellors Malaysia by the end of this year.

Minister Datin Nancy Shukri said currently, some 11,700 counsellors are registered with the board.

"Counselling is not a new field, but demand for it is extremely high, given the various issues affecting the country.

"Post-Covid-19, and with increased exposure to social media, the need (for counselling services) has grown significantly," she told reporters after officiating the World Counselling Conference (WCC) 2025 here yesterday.

Also present were Universiti Putra Malaysia (UPM) vice-chancellor Datin Prof Dr Ahmad

Farhan Mohd Sadulla and Board of Counsellors Malaysia president Prof Dr Othman Mohamed.

Nancy added that on average, the Talian Kasih 15999 helpline operated by her ministry receives 500 calls daily, with complaints ranging from abuse to depression.

On the three-day conference which began Monday, she highlighted that local counsellors have the opportunity to exchange views with their international counterparts on various aspects of counselling.

"This platform allows participants to share knowledge with professionals from different countries, while considering ethics and technology.

"It also enables them to stay updated on evolving societal needs and emerging issues," she said.

Jointly organised by KPWK, the Board of Counsellors Malaysia, UPM, and Open University Malaysia, the conference brought together counselling professionals, educators, researchers, and students, to discuss pressing issues, advancements, and the latest research in the field.

It also served as a platform for academics, counsellors, and psychotherapists to expand their knowledge, strengthen existing networks, and establish new connections with experts from both local and international communities.

The conference brings together 401 participants, both physically and virtually, with delegations from Singapore, Indonesia, Brunei, the Philippines, Saudi Arabia, the US, the Maldives, the UK, Hong Kong, and China.

— Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **WOMEN'S MINISTRY REMAINS COMMITTED TO GENDER EQUALITY**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **26 FEB 2025**

M/SURAT : **04**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**



Leaders of the future: Noraini (left) meeting with university students at an International Women's Day event. – Bernama

Women's Ministry remains committed to gender equality

SEREMBAN: The Women, Family and Community Development Ministry remains committed to advancing women's empowerment in line with the Federal Constitution, says its Deputy Minister Datuk Seri Noraini Ahmad.

She said gender equality is a widely discussed issue, emphasising the importance of providing equal rights and opportunities to all individuals, without discrimination.

She highlighted Malaysia's commitment to gender equality, through its ratification of the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (Cedaw), with certain exceptions to align with the Constitution and Islamic law.

"Gender equality does not mean that women will take over the rights and opportunities of men, but rather that both genders can share opportunities fairly, free from discrimination.

"This partnership benefits the nation by maximising the potential of its human resources," she said at the Central Zone-

level International Women's Day celebration in Senawang yesterday.

Noraini emphasised that women are the backbone of families, communities and the nation, playing a vital role in shaping the future. However, she noted that many face significant challenges in various aspects of life, whether in the workplace, at home, or society at large.

"We continue to see disparities in wages, a lack of female representation in leadership roles and ongoing challenges related to violence and discrimination," she said.

"Women possess extraordinary capabilities, whether as leaders, homemakers, or professionals, seamlessly balancing multiple roles without compromising their strength and abilities," she added.

Noraini also highlighted the significant contributions of women across various sectors, including policymaking, education, corporate leadership, manufacturing, and entrepreneurship – key drivers of the nation's economic growth.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ke mana arah kepimpinan generasi muda wanita?

Kolumis - Dicipta: 25 Februari 2025 09:08 PM - Kemas kini: 25 Februari 2025 09:11 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (tiga, kiri) bersama mahasiswi universiti awam pada Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 di Seremban/BERNAMA

SAUDARA PENGARANG

Dunia semakin moden dan wanita semakin hampir seiring dengan lelaki, tetapi kehidupan wanita masih dipengaruhi oleh persekitaran dominasi lelaki. Saban tahun, kita akan menyambut Hari Wanita Sedunia bagi meraikan kejayaan dan perubahan melibatkan agenda pemerkasaan wanita. Persoalannya, adakah pencapaian dan inisiatif tersebut sudah mencukupi untuk diraikan?

Dalam dunia yang semakin sedar akan pentingnya kesetaraan gender dan kepelbagaian, wanita muda muncul sebagai pemimpin yang membawa perubahan signifikan dalam pelbagai bidang. Mereka bukan sahaja memecahkan stereotaip tradisional, tetapi juga mencipta landasan baru untuk kepimpinan yang lebih inklusif dan berkesan.

Rencana ini akan membincangkan arah dan aliran utama kepimpinan generasi wanita muda wanita pada masa kini.

Penyertaan kepimpinan generasi wanita muda di peringkat universiti

Kemahiran kepimpinan mula diasah sejak di zaman persekolahan dan ia diteruskan sehingga ke peringkat universiti. Di universiti, platform utama sebagai indikator penyertaan pemimpin muda wanita dalam aspek kepimpinan adalah melalui pilihan raya kampus. Setiap universiti awam ataupun swasta perlu menganjurkan pilihan raya kampus untuk melaksanakan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar. Namun begitu, berdasarkan kepada keputusan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2024/2025 bagi universiti awam telah mencatatkan kadar penyertaan wanita sebagai calon masih berada pada tahap yang rendah.

Bilangan kemasukan pelajar wanita yang berada dalam universiti awam mencatatkan bilangan yang tinggi iaitu 118,112 berbanding pelajar lelaki 74,917 (Bilangan Kemasukan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar mengikut Jantina berdasarkan Universiti Awam 2023).

Oleh itu, universiti seharusnya tidak mempunyai masalah untuk menyediakan barisan pelapis pemimpin wanita untuk negara pada masa hadapan. Namun, agenda pemerkasaan wanita di peringkat akar umbi di universiti nampak agak sukar untuk direalisasikan dan memerlukan inisiatif berimpak agar bakat pemimpin wanita muda dapat diketengahkan.

Keperluan kepimpinan generasi wanita muda untuk negara

Tidak dinafikan, keperluan generasi pemimpin muda wanita sangat diperlukan oleh negara. Generasi muda wanita semakin aktif dalam arena politik dan gerakan sosial. Mereka tidak lagi hanya menjadi pengikut, tetapi tampil sebagai pemimpin yang membawa agenda progresif. Contohnya, ramai wanita muda telah memegang jawatan penting dalam kerajaan, parlimen dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

Mereka membawa isu-isu seperti kesetaraan gender, pendidikan, kesihatan, hak asasi manusia dan diketengahkan ke dalam perbincangan awam. Gerakan seperti #PERTIWI dan #JEIWA telah menunjukkan bagaimana wanita muda mampu menggerakkan perubahan global melalui kepimpinan yang berani dan berprinsip. Manakala, dalam bidang keusahawanan, pemimpin wanita muda juga cenderung dalam membawa perubahan dengan menawarkan program-program pemerkasaan ekonomi wanita, seperti akses kepada modal, latihan kemahiran dan jaringan mentor.

Manakala, dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) yang sebelum ini didominasi oleh lelaki, kini, ia semakin diterokai oleh wanita muda. Mereka bukan sahaja menguasai bidang ini, tetapi juga menggunakan teknologi untuk mencipta inovasi yang menyelesaikan masalah sosial. Contohnya, ramai wanita muda terlibat dalam pembangunan aplikasi kesihatan, platform pendidikan dan penyelesaian teknologi hijau. Kepimpinan mereka dalam bidang ini membuktikan bahawa wanita mampu menjadi pemain utama dalam revolusi digital.

Harapan generasi wanita muda

Walaupun terdapat kemajuan yang telah dicapai, namun wanita muda masih menghadapi cabaran seperti diskriminasi, stereotaip dan ketidakseimbangan gender. Pemimpin wanita muda ini terutama di universiti tidak gentar untuk menangani halangan tersebut.

Majoriti wanita muda menggunakan platform sosial media seperti TikTok serta X untuk menyuarakan isu-isu gender dan menuntut perubahan sistemik. Mereka juga berusaha untuk mencipta persekitaran yang lebih adil dan saksama untuk generasi wanita akan datang.

Selain itu, pihak berkepentingan diharapkan dapat membuka minda serta memberi peluang yang saksama kepada wanita muda terutama mahasiswi dalam mencungkil bakat mereka terutama melibatkan kepimpinan. Manakala, pelajar wanita di universiti perlu sensitif terhadap peranan yang dimainkan oleh rakan sekuliah mereka kerana wanita sering kali diberikan tugas pucis serta hanya berperanan sebagai setiausaha atau bendahari dalam Majlis Tertinggi Mahasiswa atau persatuan pelajar.

Justeru, pelajar wanita perlu menyokong visi kepimpinan generasi muda wanita untuk mencipta dunia yang lebih adil serta perubahan yang lebih positif.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM



Dr Salmiwati Othman

Timbalan Pendaftar
Pusat Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA (UiTM)



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	TEENAGE GIRLS TWICE AS LIKELY TO EXPERIENCE DEPRESSION: MINISTER		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	26 FEB 2025	M/SURAT :	04
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

Teenage girls twice as likely to experience depression: Minister

JOHOR BAHRU: Malaysian teenage girls are twice as likely to experience mental health issues, including depression, compared with their male peers, according to Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

She said findings from the National Health and Morbidity Survey 2022 confirm this pattern, with 26.9% of teenagers showing the indications of depression.

The prevalence is higher among females, at 36.1%, compared with 17.7% among males.

"This data highlights the greater vulnerability of teenage girls to depression, reflecting the unique challenges faced by women today," she said at the 2025 International Women's Day (Southern Zone) celebrations on Monday.

She added that the Jiwa Kuat, Wanita Sihat programme, launched in conjunction with the event, aims to promote emotional resilience and well-being among women, empowering them to remain competitive and continue contributing to their families, communities and the nation.

The Women, Family and Community Development Ministry, through the Women's Development Department, remains committed to implementing initiatives that support women's health, stress management and work-life balance.

"Psychosocial support programmes, counselling services and mental health initiatives have also been expanded to ensure that all women, regardless of background, receive the necessary assistance. This aligns with the Madani government's commitment to safeguarding women's rights and well-being," she said.

Meanwhile, Noraini confirmed that none of the charity homes previously operated by GISB Holdings Sdn Bhd, which housed the children of its followers, are in operation.

She added that 13 children of former GISBH members under the age of 18 remain under the care of the Social Welfare Department, including those whose guardians have returned them to the department. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



DUN Selangor : Garis panduan seragam daftar taska Julai ini

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 25 Februari 2025, 2:33 pm



Gambar hiasan

SHAH ALAM – Garis panduan bagi penyeragaman dan memudah cara pendaftaran taman asuhan kanak-kanak (taska) di Selangor akan dikeluarkan pada Julai depan.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Anfaal Shaari berkata, pembangunan garis panduan berkenaan dibuat dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi meningkatkan jumlah pendaftaran taska di negeri ini.

Katanya, setakat Januari lalu sebanyak 959 taska berdaftar di negeri ini dan 164 taska lagi dikesan tidak berdaftar.

"Beberapa strategi dilakukan bagi meningkatkan pendaftaran ini termasuk menyediakan Geran Pusat Jagaan (GPJ) Negeri Selangor sehingga RM5,000 yang bertujuan untuk membantu pengusaha menampung kos pendaftaran yang melibatkan pematuhan kepada agensi teknikal.

"Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Perkhidmatan Penjagaan Negeri Selangor (JKPPP) turut ditubuhkan yang berfungsi untuk menilai peraturan dan standard sedia ada.

"Selain itu, JKPPP ini juga akan menyediakan garis panduan yang standard berkaitan perkhidmatan penjagaan," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor hari ini.

Terdahulu, Pang Sock Tao (PH-Kuala Kubu Baharu) ingin mengetahui jumlah pengusaha taska yang berdaftar dan tidak berdaftar serta usaha kerajaan untuk meningkatkan pendaftaran.

Jelas Anfaal, strategi meningkatkan pendaftaran taska turut melibatkan memberikan notis peringatan serta tindakan penguatkuasaan selaras dengan peruntukan Akta 308 iaitu Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan pengaktifan One Stop Centre (OSC) di peringkat negeri dan daerah bagi memudahcara proses pendaftaran.

"Sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 201 buah taska berjaya dibantu sehingga lulus pendaftaran," ujarnya.

Anfaal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer berkata, antara halangan yang dikesan dalam proses pendaftaran taska adalah proses kelulusan tidak seragam dari antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kewangan.

"Ketiga adalah berkaitan pelan bangunan. Sekiranya terdapat struktur tambahan pada binaan asal, mereka perlu dapat kelulusan dan sebahagiannya mengambil masa yang lama serta latihan kepada pengasuh yang dianggap bebanan kepada operator," katanya.

Kosmo! pada 18 Januari lalu melaporkan sebuah Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Pusat Jagaan termasuk Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) dibentuk bagi memudahkan cara operator yang kini berdepan kelulusan pendaftaran termasuk syarat berbeza di 12 PBT di Selangor. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



DUN Selangor: Gombak paling tinggi kes keganasan rumah tangga

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 25 Februari 2025, 12:31 pm



Gambar hiasan.

SHAH ALAM – Gombak menjadi daerah paling tinggi merekodkan kes keganasan rumah tangga pada tahun lalu.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor berkata, berdasarkan laporan dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 238 kes dilaporkan di daerah atau Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) itu diikuti Ampang Jaya (144 kes), Petaling Jaya (122 kes), Klang Selatan (112 kes) dan Kajang (104 kes).

Katanya, IPD Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah paling rendah dengan tiga kes.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 1300 kes direkodkan tahun lalu. Pecahannya pula keganasan terhadap wanita sebanyak 871 kes, lelaki (286 kes) manakala kanak-kanak sejumlah 143 kes.

"Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan kesedaran melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) dalam perancangan untuk memperluas program kesedaran awam tentang keganasan rumah tangga menerusi pelaksanaan Kempen Menentang Keganasan Berasaskan Gender tahun ini," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Mariam Abdul Rashid (PH – Meru) melibatkan keganasan rumah tangga di Selangor.

Kata Anfaal yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer itu, kempen itu akan dilaksanakan dalam format Siri Jelajah ke lima daerah mewakili zon seluruh Selangor dengan kerjasama strategik semua pemegang taruh seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), PDRM dan One Stop Crisis Centre (OSCC), Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan semua pemimpin komuniti.

Ujarnya, antara pengisian yang dirancang dalam siri jelajah ini adalah sesi ceramah penerangan, kaunter khidmat guaman secara bergerak, siri latihan bersama petugas kaunter hadapan serta persembahan kreatif bagi meningkatkan kesedaran awam.

"Bagi menambahbaik aspek penilaian keberkesanan kempen ini, WBS melalui Jabatan Strategi dan Dasar akan membangunkan ujian penilaian kefahaman peserta menggunakan kaedah pra dan pasca penilaian.

"Ini untuk melihat tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai kempen - kempen yang dilaksanakan sekaligus dapat membantu untuk manambatk pengisian kempen," katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RM2 juta baik pulih Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Johor – MB

Oleh Zulhisham Isahak - 25 February 2025



Onn Hafiz beramah mesra dengan kanak-kanak semasa melawat RPKK di Jalan Mariam, Johor Bahru, semalam.

JOHOR BAHRU – Kerajaan negeri meluluskan RM2 juta membaik pulih Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Johor (RPKK) untuk memastikan kapasitinya dapat diguna secara maksimum.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, kerja-kerja baik pulih akan bermula segera dan dijangka siap sepenuhnya pada awal 2026.

"Ini adalah langkah penting dalam memastikan RPKK benar-benar berfungsi sebagai pusat perlindungan untuk kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan, pengabaian dan pelbagai bentuk kecemasan sosial.

"Ini juga bagi memastikan kanak-kanak yang tinggal di rumah perlindungan tersebut dengan selamat dan selesa," katanya dalam hantaran Facebook hari ini.

Terdahulu beliau bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin-Nisa Ismail turun padang meninjau keadaan RPKK di Jalan Mariam di sini semalam.

Mengulas lanjut, Onn Hafiz berkata, langkah tersebut menunjukkan kerajaan negeri komited untuk memastikan RPKK dapat berfungsi sepenuhnya.

"Saya dimaklumkan bahawa buat masa ini, RPKK tidak mampu menampung kapasiti maximum disebabkan masalah fasiliti.

"Antara isu utama yang dikenal pasti adalah sistem kumbahan, bumbung, pintu, dapur serta sistem perpaipan yang perlu dinaik taraf," ujarnya.

Pihaknya, kata Menteri Besar, sudah mengarahkan pihak berkaitan untuk mempercepatkan proses baik pulih agar RPKK dapat berfungsi bagi mencapai kapasiti penuh.

"Kerja-kerja penyelenggaraan termasuk pemasangan pagar keselamatan serta menaik taraf dewan juga akan dilaksanakan demi menjamin kesejahteraan penghuni di situ," katanya.

RPKK, ujarnya, adalah manifestasi komitmen kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan kanak-kanak yang memerlukan sentiasa terbela.

"Semoga RPKK menjadi tempat yang benar-benar selamat dan kondusif, memberi mereka peluang untuk membesar dalam persekitaran yang positif penuh harapan dan masa depan yang cerah.

"Setiap kanak-kanak berhak untuk mendapat perlindungan, tempat tinggal yang selesa dan penjagaan yang penuh kasih sayang," katanya. - MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga PPS dibuka di tanah Merah akibat banjir

Bernama

25/02/2025 23:44 MYT



JPS merekodkan Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas melepasi paras bahaya, iaitu 10.08 meter (m) manakala Sungai Golok di Kampung Jenob, Tanah Merah berada pada paras amaran dengan 22.97 m. - Gambar fail/Bernama

KOTA BHARU: Tiga pusat pemindahan sementara (PPS) telah dibuka di Tanah Merah bagi memberi perlindungan kepada 62 orang daripada 17 keluarga akibat bencana banjir, setakat pukul 10 malam ini.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), PPS yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Kulim dengan menempatkan 38 orang daripada 12 keluarga; Balai Raya Padang Kijang (lapan orang, dua keluarga) dan SK Gual Jedok (16 orang, tiga keluarga).

Sementara itu, portal infobanjir.water.gov.my, JPS merekodkan Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas melepasi paras bahaya, iaitu 10.08 meter (m) manakala Sungai Golok di Kampung Jenob, Tanah Merah berada pada paras amaran dengan 22.97 m.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek kes cabul di Batang Kali didakwa Khamis

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my



Hulu Selangor: Suspek kes cabul ke atas seorang kanak-kanak di sebuah masjid di Batang Kali, di sini akan dituduh di mahkamah, pada Khamis.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pertuduhan terhadap pemuda lelaki berusia 19 tahun itu akan dijalankan di Mahkamah Majistret Ampang, jam 9 pagi

"Pada 21 Februari, kertas siasatan sudah dilengkapkan dan dirujuk kepada Pejabat Pendakwa Raya IDCC Selangor, hari ini.

"Polis sudah mendapat arahan tuduh ke atas suspek mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017," katanya dalam kenyataan, malam ini.

Hussein berkata, sabit kesalahan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan boleh disebat.

Terdahulu, media melaporkan suspek ditahan kerana disyaki mencabul budak perempuan yang sedang bersolat Subuh.

Kejadian itu berlaku ketika mangsa sedang sujud di belakang barisan jemaah wanita.

Rakaman video kamera litar tertutup (CCTV) masjid terbabit kini tersebar di media sosial, memaparkan kejadian itu.

Suspek kemudian direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pintu pagar terbuka, kanak-kanak lelaki hilang

🕒 25 Februari 2025, 11:16am



Kanak-kanak lelaki berusia 19 bulan, Hud Aryan Mohd Nor Hafifi dikhuatiri hilang di Kampung Aira Kuala Tiga, di sini, malam tadi. FOTO NSTP/IHSAN PEMBACA

TANAH MERAH: Kanak-kanak lelaki berusia 19 bulan dikhuatiri hilang di Kampung Aira Kuala Tiga, di sini, malam tadi.

Kanak-kanak terbabit, Hud Aryan Mohd Nor Hafifi disedari tiada di rumah kira-kira jam 7.20 malam oleh ahli keluarga.

Menurut ibu saudaranya, Azean Irdawati Ramley, 44, sebelum kejadian, Hud berada dalam rumah dan diberi makan oleh ibunya sebelum wanita itu masuk ke dapur sebaik selesai menyiapkan nasi kepada anak tunggalnya itu.

"Kebetulan juga seorang saudara datang ke rumah dan ketika berbual, dia bertanyakan di mana Hud, selepas itu barulah kami menyedari Hud hilang.

"Ibunya mendapati pintu pagar rumah turut terbuka dan keadaan semakin kecoh dengan pencarian dibuat di sekitar parit di hadapan rumah serta hutan sekitar," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Azean Irdawati berkata, anak saudaranya itu baru saja boleh berjalan dan agak aktif malah memang suka bermain air dan disebabkan itulah pihaknya merasakan Hud menuju ke parit.

Katanya lagi, adiknya menetap di kampung lain tapi sering datang ke rumah ibunya di Kampung Aira untuk menjenguk.

"Kami sangat risaukan keadaan Hud lebih-lebih lagi ibunya kerana Hud adalah anak tunggal dan pencarian masih lagi dibuat sehingga kini," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tanah Merah, Mohd Zulkifli Osman berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 8.02 malam tadi berhubung kehilangan kanak-kanak itu.

Beliau berkata, operasi pencarian terus dibuat malam tadi sekitar rumah termasuk kawasan hutan sekeliling terutama parit di hadapan rumah keluarga mangsa.

"Operasi disambung pagi ini dengan bantuan penduduk kampung dan kita juga meminta bantuan pasukan anjing pengesan (K9) dari ibu pejabat dan difahamkan ia dalam perjalanan ke sini (Kelantan)," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



[VIDEO] Mahkamah benar suami Jahidah tangguh penjara 10 tahun

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 25 Februari 2025, 11:35 am



MAHKAMAH Tinggi Johor Bahru hari ini membenarkan permohonan Rosmaini (tengah) menangguhkan hukuman penjara 10 tahun yang dikenakan ke atasnya, 9 Disember tahun lalu.

JOHOR BAHRU – Mahkamah Tinggi di sini hari ini membenarkan rayuan peniaga untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara 10 tahun yang dikenakan ke atasnya kerana mencederakan isterinya sehingga parah sementara menunggu rayuan diluluskan.

Hakim Datuk Abu Bakar Katar membuat keputusan itu terhadap pemohon, Rosmaini Abd Raof, 42, yang menjalani hukuman penjara bermula 9 Disember tahun lalu.

Abu Bakar membuat keputusan itu selepas meneliti hujahan Timbalan Pendakwa Raya, Juanita Mohd Said dan peguam mewakili pemohon, Kamal Hisyam Jaafar dan Muhammad Nor Tamrin yang bersidang pada 7 Februari lalu.

Dalam keputusannya menyatakan bahawa mahkamah menggunakan budi bicara berdasarkan Seksyen 311 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan tidak dipengaruhi oleh pandangan umum yang tular di media sosial.

"Mahkamah turut mengambil kira isu bermerit dalam rayuan, termasuk dakwaan percanggahan dalam keterangan saksi utama dengan dokumen berkaitan serta keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang tidak membenarkan saksi itu dipanggil semula oleh pembelaan.

"Berdasarkan alasan tersebut, mahkamah membenarkan permohonan penangguhan hukuman dengan beberapa syarat antaranya jaminan bercagar sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin serta keperluan pemohon melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap bulan sehingga rayuan selesai," katanya.

Hakim turut menetapkan bahawa jika pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, perintah penggantungan hukuman akan terbatal serta-merta dan waran memenjara akan dikeluarkan.

Mahkamah turut menetapkan 7 April depan sebagai tarikh sebutan semula rayuan kes.

Terdahulu, Mahkamah Sesyen di sini pada 9 Disember tahun lalu menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun selepas didapati bersalah mencederakan isteri ketiganya sehingga parah.

Kes keganasan rumah tangga yang berlaku ke atas Jahidah, 47, yang kini terlantar koma seperti mayat hidup mendapat perhatian selepas dibelasah bekas suaminya itu dalam kejadian di sebuah rumah di Larkin, di sini, 4 Mei 2021. -KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki cedera dibelasah dipercayai perkosa anak saudara

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



FOTO hiasan

Gombak: Lelaki cedera dibelasah oleh sekumpulan individu selepas dipercayai memperkosa anak saudara perempuan berusia 12 tahun, minggu lalu.

Kejadian pergaduhan yang berlaku di kawasan Batu Caves, di sini, tular di media sosial hari ini.

Menerusi rakaman video yang tular, lelaki itu kelihatan ditendang dan ditumbuk oleh beberapa lelaki sebelum dihalang oleh seorang wanita.

Lelaki yang mengalami kecederaan di muka dan bahagian badan kemudian dibawa mendapatkan rawatan di sebuah klinik berhampiran.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir mengesahkan menerima laporan kejadian pada 18 Februari lalu.

Beliau berkata, kes pukul itu dilaporkan berlaku di Batu Caves.

"Bagaimanapun, kejadian rogol didakwa berlaku di daerah Kajang," katanya kepada pemberita, hari ini.

Katanya, siasatan kes itu dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas cedera dilibas parang oleh anak OKU Mental

© 25 Februari 2025, 3:17pm



Rumah mangsa dan suspek di Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis dimana kejadian telah berlaku. - Foto NSTP

KANGAR: Seorang warga emas cedera di kepala selepas dilibas parang oleh anaknya yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) masalah mental dalam kejadian di Kuala Perlis, semalam.

Dalam insiden kira-kira jam 5 petang itu, Halim Osman, 70, berada di ruang tamu rumahnya di Kampung Padang Besar Selatan sebelum diserang anak lelakinya yang berusia awal 40-an. Suspek dilaporkan melarikan diri sejurus selepas kejadian.

Isteri mangsa, Rodziah Mat, 67, berkata kejadian berlaku begitu pantas dan tidak disedari.

Ketika itu, beliau berada di rumah bersama suami dan tiga anak mereka.

"Saya sedang mengambil wuduk untuk solat Asar sebelum terdengar suara suami memarahi seseorang.

"Sebaik keluar dari bilik air, saya terkejut melihat suami tertiarap di lantai dengan darah berlumuran di kepala.



Rodziah berharap anaknya. Anuar dapat pulang semula ke pangkuan keluarga selepas kejadian telah menecederakan suaminya di Kampung Padang Besar Selatan, Kuala Perlis. - Foto NSTP

"Seorang daripada anak kami memberitahu abangnya (suspek) tiba-tiba memegang parang dan mengacukannya sebelum menetak kepala dan telinga suami saya.

"Dia (suspek) terus melarikan diri selepas kejadian," katanya ketika ditemui di kediamannya, hari ini.

Rodziah berkata, suaminya dibawa ke Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar oleh menantunya sebelum dinasihatkan membuat laporan polis.

Beliau mengakui anaknya itu memiliki kad OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana mengalami ketidakupayaan mental tetapi tidak pernah bertindak agresif sebelum ini.

"Dia anak yang patuh dan tidak pernah membantah jika diminta membantu, jadi kejadian semalam benar-benar mengejutkan kami," katanya.

Rodziah turut memaklumkan anaknya menjalani pemeriksaan psikiatri secara berkala di HTF dan berharap dia segera pulang kerana turut menghidap kencing manis.

Sementara itu, sumber polis mengesahkan keluarga mangsa membuat laporan polis pada jam 8.26 malam di Balai Polis Kuala Perlis.

"Gerakan mengesan suspek sedang giat dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kangar, manakala mangsa dilaporkan dalam keadaan stabil," katanya.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop, turut mengesahkan kejadian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Man arrested for allegedly raping niece

By [New Straits Times](#) - February 25, 2025 @ 11:34pm



Police arrested a 43-year-old man after his niece lodged a report claiming he had raped her twice, in August last year and in January this year.

KUALA LUMPUR: Kajang police have arrested a man for allegedly raping his underage niece twice.

Kajang police chief Assistant Commissioner Naazron Abdul Yusof said police received a report on Thursday from the victim, who claimed she had been raped in August last year and again in January.

He said, in the report at 4.35am, the girl said the rapes took place in Semenyih.

"Acting on the report, police arrested the suspect, a 43-year-old man, on the same day and obtained a four-day remand order to detain him," he said.

The case is being investigated under Section 376(3) of the Penal Code for rape, which carries a prison term of up to 30 years and up to 10 lashes of the cane upon conviction.

Anyone with information on the case should contact the nearest police station or investigating officer Inspector Nursyaza Farhah Samhairi at 017-6919817.